

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2020**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR
BIN WAN CHIK [BALIK PULAU]**

TARIKH : 3 OGOS 2020 (ISNIN)

SOALAN

YB. TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN CHIK [BALIK PULAU] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah rancangan kerajaan untuk memulihkan sektor pelancongan secara terperinci dan berikan bagaimanakah pakej penjana RM1billion dapat membantu sektor pelancongan termasuk pengusaha inap desa “*homestay*” dan para artisan (seperti pengusaha kraf). Serta nyatakan juga apakah strategi Kementerian dalam membangunkan semula pelancongan domestik tanpa bergantung harap kepada kepada pelancong dari negara luar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Penularan wabak COVID-19 telah memberi impak negatif yang sangat besar kepada industri pelancongan negara. Kerajaan sedar bahawa pihak dalam industri ini sedang menghadapi kesukaran yang berat pada saat ini. Justeru, Kerajaan melalui Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah merancang pelaksanaan Pelan Pemulihan Pelancongan dan Kebudayaan dalam usaha membantu industri pelancongan dan kebudayaan untuk bangkit semula.

NO. SOALAN : 42

2. Setelah menilai pelbagai faktor, Kerajaan telah bersetuju membenarkan sektor pelancongan domestik untuk beroperasi semula bermula pada 10 Jun 2020. Ini membolehkan penggiat industri pelancongan domestik seperti industri perhotelan, inap desa (homestay), pengusaha kraf dan pemandu pelancong merencanakan semula aktiviti pelancongan yang terhenti sebelum ini.

3. Bagi membantu industri ini untuk bangkit semula, Kerajaan telah menyediakan insentif dan bantuan menerusi Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN), PRIHATIN PKS TAMBAHAN dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) yang boleh dimanfaatkan oleh pemain industri pelancongan dan kebudayaan tempatan. Bantuan ini bukan sahaja bagi meneruskan kelangsungan aktiviti sedia ada malah boleh turut digunakan untuk menambahbaik produk industri ini.

4. Selain daripada insentif tersebut, MOTAC sendiri juga telah melaksanakan inisiatif-inisiatif khusus bagi membantu *stakeholders* dalam industri yang terlibat. Antaranya ialah:

- i. menawarkan kursus *Domestic Tourism Vibes* secara dalam talian dengan kerjasama Persatuan Institut-institut Latihan Pelancongan Malaysia (ATTIM) dan *Malaysian Tourist Guide Council* (MTGC);
- ii. pengecualian bayaran fi lesen bagi pengusaha-pengusaha pelancongan dan pemandu pelancong yang layak bermula 17 Mac hingga 31 Disember 2020;
- iii. pemberian diskaun pembayaran kompaun sebanyak 40% kepada semua perusahaan pelancongan dan pemandu pelancong berlesen yang dikenakan kompaun oleh Kementerian sebelum 31 Disember 2020.
- iv. pelanjutan tempoh bayaran kompaun sehingga 31 Disember 2020 bagi semua kompaun yang dikeluarkan kepada syarikat atau pemandu pelancong berlesen;

NO. SOALAN : 42

- v. pengecualian kompaun kepada pengusahaan pelancong dan pemandu pelancong yang gagal memperbaharui lesen dalam tempoh yang ditetapkan disebabkan oleh PKP dengan syarat permohonan lengkap perlu dikemukakan dalam tempoh 60 hari selepas tamat tempoh PKP;
- vi. menyediakan platform e-Kraf Bazaar yang membolehkan usahawan kraf menjalankan aktiviti promosi dan jualan produk secara *online*. Ini amat membantu khususnya di peringkat awal PKP dilaksanakan dan memberi manfaat kepada lebih 7,000 pengusaha seni dan kraf tempatan; dan
- vii. pelancaraan aplikasi *Craft On The Go* pada 1 April 2020 bagi menyediakan perkhidmatan secara digital dalam bentuk *mobile apps* kepada masyarakat bagi meningkatkan kebolehcapaian maklumat mengenai usahawan kraf di seluruh Malaysia.

5. Seterusnya, bagi meletakkan Malaysia sebagai destinasi utama pelancongan, MOTAC juga telah merangka Pelan Pemulihan Pelancongan dan Kebudayaan melalui strategi-strategi berikut:

- i. memulihkan kembali keyakinan orang awam untuk kembali melancong melalui Kempen Malaysia Bersih dan Selamat;
- ii. merancang semula pelancongan domestik;
- iii. meneroka potensi ketibaan pelancong asing dari pasaran jarak dekat seperti negara ASEAN terutamanya melalui pelancongan rentas sempadan atau *cross border tourism* seperti mengadakan gelembung perjalanan atau *travel bubble* dengan negara-negara jiran atau negara-negara zon hijau yang dikenalpasti hasil kerjasama dengan Kementerian Kesihatan, Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Luar Negeri; dan
- iv. memberi keutamaan kepada segmen yang telah dibenarkan oleh Kerajaan seperti pelancongan kesihatan, taman tema dan MICE. Dalam hal ini, Kementerian juga melalui Malaysia

NO. SOALAN : 42

Convention & Exhibition Bureau (MyCEB) telah melancarkan Kempen “*Meet In Malaysia*” pada 24 Julai 2020 bagi menggalakkan penganjuran MICE secara hibrid iaitu secara fizikal dan dalam talian serentak.

6. Sementara itu, Skim Pembiayaan Sektor Pelancongan PENJANA bernilai RM1 bilion seperti yang telah diumumkan YAB Perdana Menteri kini dibuka untuk permohonan. Pelaksanaan skim ini merupakan inisiatif Kerajaan di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA), bagi membantu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) serta perusahaan mikro tempatan dalam sektor pelancongan teras dan sektor berkaitan pelancongan memulihkan perniagaan mereka yang terjejas berikutan penularan COVID-19. Butiran terperinci mengenai skim ini boleh didapati melalui laman sesawang PENJANA iaitu <https://penjana.treasury.gov.my/>.

Sekian, terima kasih.